

Sungai Petani

Sebanyak 500 anak pokok bakau minyak spesies *Rhizophora apiculata* berjaya ditanam menerusi program ALAM Be-Leaf Mangrove Tree Planting di kompartmen 11 kawasan Hutan Simpan Sungai Merbok dekat sini kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan), Datuk Zahari Ibrahim berkata, penganjuran program berkenaan adalah bersempena Program Penghijauan Malaysia-Kempen Penanaman 100 juta pokok.

"Hari ini kita menanam 500 anak pokok bakau dengan melibatkan 123 peserta termasuk sukarelawan belia daripada Sukarelawan Anak Malaysia (Satria) di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

"Program hari ini merupakan yang kedua bagi tahun ini dan diharap dapat memberi pendedahan serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan generasi muda tentang kepentingan memelihara hutan dan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata, kempen yang menyasarkan penanaman 100 juta pokok di seluruh negara itu diadakan bermula 2021 hingga tahun hadapan dan setakat hari ini, sebanyak 91.1 juta pokok merangkumi lebih 1,000 spesies telah ditanam di seluruh negara.

"Pemilihan kawasan hutan paya laut bagi program kali ini bertepatan dengan sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun



SEBANYAK 500 anak pokok bakau minyak spesies *Rhizophora Apiculata* berjaya ditanam menerusi program ALAM Be-Leaf Mangrove Tree Planting yang diadakan di kompartmen 11 kawasan Hutan Simpan Sungai Merbok.

Sahut kempen tanam seratus juta pokok

500 anak pokok bakau berjaya ditanam 123 sukarelawan Satria

2024 yang bakal diadakan 26 Julai ini.

"Hal ini kerana hutan paya laut memainkan peranan penting sebagai lapisan perlindungan semula jadi untuk mencegah kemusnahan disebabkan hakisan tanah, pukulan ombak dan tiupan angin kencang, pemuliharaan habitat dan kepelbagaian biologi serta kawasan zon penampungan yang kukuh dan

stabil," katanya.

Zahari berkata, aktiviti itu diharap dapat pulihkan semula sebahagian daripada kawasan Sungai Merbok dengan tanaman bakau dan berharap program itu memberi impak besar kepada kawasan ekosistem hutan Sungai Merbok serta alam sekitar di Sungai Petani.

"Tanggungjawab memelihara dan memulihara khazanah alam semula jadi di sekeliling kita pada hari ini merupakan tanggungjawab bersama.

"Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) akan terus memberikan sokongan berterusan dan komitmen menyeluruh kepada semua pihak

yang mempunyai matlamat untuk menerapkan kesedaran serta semangat cintakan khazanah sumber asli negara dan melestarikan alam sekitar.

Seorang sukarelawan Zainab Desa, 39, berkata, kelmarin merupakan kali kedua dia berpeluang menyertai program penanaman bakau.

Menurut Zainab dia berjaya menanam 10 anak pokok bakau

"Saya lalui pengalaman mencabar sebelum tiba di lokasi iaitu menaiki bot dan meredah laluan berlumpur"

Sukarelawan,
Zainab

pada program berkenaan yang turut disertai 77 rakan sekerjanya dari Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan 45 sukarelawan Satria.

"Saya dapat lalui pengalaman mencabar sebelum tiba di lokasi penanaman bakau iaitu menaiki bot beramai-ramai dan berjalan meredah laluan berlumpur," katanya.

Sukarelawan, Satria S Prabakaram, 30, yang pertama kali menyertai aktiviti itu berkata, dia teruja apabila berpeluang melihat lebih dekat kawasan paya bakau di situ.

"Saya dapat menanam tujuh pokok bakau, rasa seronok sangat, kalau ada lagi peluang menjadi sukarelawan program seperti ini, saya akan sertai lagi," katanya.

Program ALAM Be-Leaf Mangrove Planting dianjurkan bersama Amanah Lestari Alam (Alam) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Malaysia (NRES), JPSM, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNKD) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad.



SEBAHAGIAN para peserta sedang menanam pokok bakau pada Majlis Tanam 500 Anak Pokok Bakau. Gambar kecil peserta menunjukkan siput belitung dan anak ketam yang ditemui semasa...